

BH 16 JUN 2015  
(SELASA)

## 8 NASIONAL

# 9 universiti awam ditegur

**Laporan** Ketua Audit Negara 2014 Siri 2 dikeluarkan semalam membuat teguran terhadap sembilan universiti awam membabitkan pengurusan perolehan.

Ini merangkumi proses perolehan perkhidmatan atau barang yang tidak mengikut tatacara perolehan secara sebut harga, perolehan dipecah kecil, kelewatan kontrak, kelewatan sesuatu projek disiapkan dan tempoh lanjutan sesuatu kontrak.

Antaranya Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UITM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

### Tak ikut tatacara, sebut harga

UM misalnya ditegur apabila mendapat sembilan daripada 25 perolehan perkhidmatan penginapan, makan minum dan sewaan dewan atau bilik mesyuarat bagi penganjuran majlis rasmi bernilai RM610,835 di universiti itu dilaksanakan tanpa kelulusan kerana tidak mengikut tatacara perolehan secara sebut harga.

Audit juga mendapati pegawai Pusat Tanggungjawab (PTj) terbabit tidak memohon pengecualian sistem e-procurement yang digunakan di universiti awam itu mulai Mac 2011, tidak mempelawa sebut harga dan berunding secara terus dengan pihak pembekal.